

Cara masyarakat Islam Singapura menghadapi realiti kehidupan telah dikongsi oleh Menteri Perhubungan dan Penerangan yang juga Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, dalam persidangan 'Islam dalam Dunia Semasa' anjuran Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), baru-baru ini. Mengenai fatwa misalnya, pandangan pakar daripada pelbagai bidang didapatkan. Beliau menyebut contoh Dr Rufaihah Abdul Jalil, seorang saintis dan Penolong Profesor di Jabatan Pembedahan Universiti Nasional Singapura, yang menyediakan maklumat berguna mengenai isu-isu melibatkan etika bio-perubatan. Ikuti interviu wartawan Berita Harian, **SUHAIMI MOHSEN** (suhaimi@sph.com.sg), dengan Dr Rufaihah.

Isu sel induk babit etika perubatan, perspektif agama

Dr Rufaihah bantu asatizah, badan agama jelas dan fahami konsep sel induk, aplikasi terapi sebelum buat keputusan berkaitan fatwa

ADA banyak isu berkaitan penyelidikan sel yang melibatkan persoalan etika dalam bidang perubatan biologi.

Umumnya, penyelidikan melibat sel bertujuan mencari jawapan terhadap pelbagai persoalan mengenai tubuh dan untuk menyembuhkan penyakit.

Namun, niat tidak menghalalkan cara.

Ia tertakluk pada etika perubatan, dan bagi penyelidik Islam, ia juga ada garis panduan.

Berkongsi pengalamannya, Dr Rufaihah Abdul Jalil, seorang saintis penyelidikan, berkata beliau diundang Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk memberi pencerahan terhadap isu dan persoalan mengenai perubatan biologi berkaitan sel induk, produk kesihatan melibatkan placenta (uri) haiwan seperti rusa dan sebagainya.

"Saya hanya beri penjelasan asas, memahamkan konsep bagi membantu mereka membuat keputusan," jelas Dr Rufaihah.

Baru-baru ini beliau diundang memberi pembentangan kepada sekumpulan asatizah mengenai sel induk dan aplikasi terapi baka.

"Saya terangkan perkara asas dan aplikasinya – apa itu sel, apa yang dikatakan sel induk, jenis dan kegunaannya – untuk mendedahkan mereka tentang perkembangan dalam dunia sains, supaya mereka ada asas, memahami kegunaannya dan implikasi agama," kata beliau.

Menurutnya, saintis mengambil sel daripada janin atau bayi yang gugur.

Penyelidikan sel ini bertujuan memahami kenapa dan bagaimana sesuatu penyakit terjadi, dan mencari huraian. Terdapat banyak cara boleh dicuba.

Bagi saintis, pertimbangannya ialah sama ada ini berpotensi untuk membaiki, atau apakah ada yang boleh dipelajari untuk dapatkan sesuatu.

Misalnya ada apa yang diistilahkan sebagai terapi baka, termasuk penukaran gen. Dalam penjujukan genom manusia, ada kaedah mengaturlah baka dalam sel dengan membuang yang rosak dan menggantikan dengan yang baru – teknik yang dipanggil 'crisp'.

Menurutnya, dalam sel terdapat nukleus dan kromosom. Apabila dibesarkan, ia jadi DNA (*deoxyribonucleic acid*) yang menentukan ciri-ciri kebakaan manusia. Bahagian yang rosak boleh potong dan diganti menerusi penyuntingan gen (*gene-editing*).

Namun ia melibatkan kos yang tinggi.

"Kalau kaedah ini boleh berfungsi, apakah ia boleh dimampui orang ramai.

"Satu daripada etika perubatan yang dibincangkan dengan rawatan serupa ini ialah adakah ia akan menjadikan golongan berada hidup lebih lama dan lebih baik kerana mereka mampu, berbanding mereka yang kurang berada," ujar beliau.

Di samping etika perubatan, terdapat keprihatinan daripada perspektif agama.

Dari perspektif Islam misalnya, antara yang menjadi keprihatinan ialah sumber dan teknik seperti daripada pengguguran bagaimana sel itu didapatkan?

Niat tidak menghalalkan cara, sebaliknya harus seiring.

Peranan jawatankuasa fatwa menentukan mana yang boleh dan tidak.

Menurut Dr Rufaihah, ada ketika beliau menghadapi dilema kerana sumber yang kurang pasti tetapi teruskan untuk tujuan pendidikan.

"Ia satu kembara ilmu.

"Secara peribadi, selagi saya tidak lakukan sesuatu yang jelas tidak boleh seperti cuba mengklon manusia, saya tidak lakukan.

"Dalam perkara yang samar-samar, saya dapatkan pandangan ustaz.

"Namun mereka juga perlukan maklumat lanjut sebelum beri nasihat/pandangan.

"Jadi agak sukar. Mereka mungkin lebih memilih jalan yang lebih selamat," ujarnya.

Menurut Dr Rufaihah, sel induk dalam penyelidikan adalah daripada telur yang diambil daripada janin kurang daripada 120 hari (hanya enam atau tujuh hari). Dari perspektif Islam, ia tidak lihat sudah menjadi manusia, dan fatwa membolehkan.

"Saya dapat pengesahan apa yang saya lakukan adalah O.K," ujar beliau.

Dr Rufaihah berharap Jawatankuasa Fatwa mendapatkan lebih banyak saintis dan doktor Muslim memberi pandangan dalam pelbagai isu supaya mereka dapat bertukar-tukar pengetahuan dan membantu satu sama lain.

Menurutnya, terdapat banyak isu saintifik.

Namun, Jawatankuasa Fatwa berkumpul dan berbincang jika perlu dan apabila ada permintaan.

Penyelidikan tentang sel induk dibuat kerana dunia sains apabila ia hangat dibincangkan dan Lembaga Etika Biologi Singapura meminta semua kumpulan agama menulis kertas konsep dan memberitahu pendirian mereka.

Syarak benarkan Penyelidikan sel induk demi kebaikan manusia

FATWA mengenai sel induk adalah antara tujuh fatwa di bawah kategori sains dan perubatan di ruang fatwa laman web Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Jawatankuasa Fatwa telah ditanya mengenai penggunaan embrio (janin) yang telah disemai di luar rahim wanita mengikut kaedah *in-vitro fertilisation* (penyemaian benih) yang berusia tidak lebih daripada 14 hari, bagi tujuan kerja penyelidikan berhubung sel induk yang dapat memanfaatkan manusia.

Berdasar kajian saintifik yang telah dilakukan, embrio yang belum mencapai 14 hari tidak dapat merasa sakit kerana hanya pada hari ke-14 satu jalur asli muncul dan berkembang untuk menjadi sistem urat saraf.

Dr Rufaihah Abdul Jalil, seorang saintis penyelidikan, adalah antara yang terlibat dalam penghasilan fatwa itu.

"Mereka mahu buat keputusan. Saya hanya bantu memberi penjelasan asas mengenai kerana untuk membaca sendiri mungkin sukar faham.

"Saya bantu jelaskan mengenai dengan bahasa mudah dan fahamkan tentang konsep teknologi.

"Jawatankuasa Fatwa yang kemudian membuat keputusan," jelas Dr Rufaihah.

Berdasarkan penerangan dan kajian dalam isu

ini, Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dasar agama Islam menggalakan penyelidikan ilmiah termasuk yang bersangkut-paut dengan genom manusia, kejuruteraan baka dan sumpamanya.

Ia berharap penyelidikan tersebut dapat digunakan untuk masalah (kepentingan) manusia bagi merawat penyakit yang dihadapi manusia.

Penyelidikan dan perlaksanaannya hendaklah berlandaskan kaedah fiqh yang muktamad seperti tidak ada kemudahan dan tidak boleh berbuat hal yang memudaratkan.

Ia juga menjelaskan pandangan syarak mengenai janin yang disenyawakan sama ada di dalam atau luar rahim, pandangan fuqaha (ahli fikah) pandangan institusi agama di luar negara mengenai.

Ia kemudian memfatwakan bahawa pandangan Jawatankuasa Penasihat Bioetika untuk menggunakan sel induk daripada embrio yang berusia tidak lebih daripada 14 hari, bagi tujuan penyelidikan untuk kebaikan manusia adalah dibenarkan dari segi syarak selagi ia tidak disalahgunakan sama ada untuk tujuan pengklonan manusia, atau mencampur-adukkan nasab keturunan, atau pun yang boleh menyebabkan penghinaan atas kemuliaan manusia.



DR RUFIAH: Ada ketika beliau menghadapi dilema kerana sumber yang kurang pasti tetapi teruskan untuk tujuan pendidikan. – Foto fail

Timbul isu jika baka dijangka boleh diubah demi kecantikan bukan kesihatan

MEMBAIKI baka semasa anak masih dalam kandungan atau setelah lahir?

Dan apa tujuannya – untuk memiliki anak lebih sempurna atau membaiki masalah kesihatan?

Proses mengubah baka dijangka boleh dilakukan menerusi ilmu sains.

Ia adalah antara isu yang mungkin timbul pada masa depan mengenai pembaikan baka yang masih ditimbang oleh Lembaga Etika, kata Dr Rufaihah Abdul Jalil, seorang saintis penyelidikan.

Beliau berpendapat bahawa membaiki baka kerana sebab penyakit dapat diterima tetapi jika ia untuk membaiki penampilan bayi, bukan atas sebab kesihatan, ia satu hal lain.

Misalnya, mengubah baka untuk menjadikan anak cantik, bijak, tidak cacat dan sebagainya ada potensi terjadi pada masa depan.

Ini boleh menimbulkan kebimbangan dan

persoalan.

"Untuk betulkan penyakit, pada hemat saya, ia boleh diterima jika ibu bapa mampu membayar kos rawatannya.

"Tetapi untuk mengubah, itu saya tidak tahu.

"Apabila tiba saat itu, fatwa mungkin diperlukan," kata Dr Rufaihah.

Menurutnya, sekarang ada penjujukan genom manusia – mengatur baka dalam sel.

"Dari situ mereka boleh perlahan-lahan belajar – untuk cantikkan mata, warna rambut dan sebagainya.

"Ini ada potensi berlaku pada masa depan. Jika terjadi, boleh timbul kebimbangan mengenai kemampuan memilih dan menukar. Akhirnya, orang akan bentuk atau cetak anak yang Allah beri. Ini menakutkan.

"Jika berlaku, apa perspektif agama? Ini kena tanya ustaz.

"Saya tidak akan lakukan jika ia bukan atas sebab mengubat penyakit tetapi sesuatu yang mewah bagi tujuan mencantikan.

"Dari segi etika, ia adalah untuk mengubat, bukan memperelok," kata Dr Rufaihah.

Beliau menjelaskan bahawa sekarang sudah pun ada isu memilih jantina menerusi kaedah yang dipanggil rawatan persenyawaan in vitro (IVF) – dengan mengubah gabungan persenyawaan benih daripada air mani lelaki dengan benih daripada telur wanita.

"Saya dapat tahu ada negara yang benarkan.

"Bagi saya tidak fikir ia boleh dan tidak fikir pemerintah akan benarkan kerana akan berlaku ketidakseimbangan semula jadi. Ia tidak sejajar dengan etika.

"Selain ia satu perkara peka, jantina tidak menentukan anak itu sihat atau tidak," kata beliau.